

03/07/2001

Dewan UM: Polis siasat unsur khianat

Fazli Abdullah; Johan Afandi

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM) Jumaat lalu, akibat perbuatan khianat.

Beliau bagaimanapun berkata, polis sedang menyoal kejadian berkenaan dari semua sudut, termasuk kemungkinan dewan berusia kira-kira 37 tahun itu sengaja dibakar.

"Ya, kita sedang siasat semua kemungkinan termasuk ia berpunca daripada perbuatan khianat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) program Diploma Sains Siasatan (DSS) dengan Universiti Malaya di Maktab Pegawai Kanan Polis Cheras di sini, hari ini.

Norian berkata, ketika ini pasukan penyiasat yang membabitkan beberapa jabatan kerajaan sedang mengumpul maklumat dan menyediakan laporan berhubung kejadian itu.

Selain polis, jabatan lain yang menyoal ialah bomba, Jabatan Elektrik dan Gas serta Jabatan Kimia.

"Saya fikir berilah sedikit masa kepada mereka kerana ia adalah siasatan kepakaran dan memerlukan masa untuk menentukan sebarang punca," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi itu, hampir 90 peratus Dewan Tunku Canselor yang digunakan sejak 35 tahun itu, terbakar. Turut musnah 1,800 jubah serta 2,000 topi akademik yang digunakan pelajar ketika hari konvokesyen dan kerugian ditafsirkan RM12.4 juta.

Berikutan itu, pelbagai pihak mendakwa kebakaran itu dilakukan pelajar yang antikerajaan sebagai membantah kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi penutup Simposium Penegasan Ke Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru, semalam.

Bagaimanapun, simposium dua hari yang dihadiri lebih 3,000 wakil pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta, berjalan lancar.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Ramli Yusof yang mengetuai pasukan penyiasat itu berkata, polis sudah mengambil keterangan lebih 10 orang berhubung kejadian itu.

"Sepanjang dua hari ini, kita sudah mengambil keterangan lebih daripada 10 orang termasuk pelajar, pengawal keselamatan dan pensyarah universiti bagi membantu siasatan," katanya.

Mengenai kejadian seorang nelayan Perak yang mati ditembak Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL) pada 26 Jun lalu, Norian berkata, polis sedang menyoal untuk mengenal pasti lokasi sebenar insiden itu.

Katanya, lokasi kejadian perlu dikenal pasti terlebih dulu kerana TNI-AL mendakwa ia berlaku di perairan Indonesia manakala nelayan tempatan memaklumkan sebaliknya.

Sehubungan itu, polis akan menggunakan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) bagi menentukan kedudukan bot berkenaan ketika kejadian.

"Kita nak pastikan di mana bot itu berada ketika kejadian dan kedua-dua dakwaan itu perlu disiasat. Ini akan mengambil sedikit masa untuk menentukannya," katanya.

Ditanya kemungkinan polis akan meminta bantuan polis Indonesia bagi menyoal kes berkenaan, Norian berkata, pihaknya akan berbuat demikian jika memerlukannya.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi berhampiran Pulau Jamur, kira-kira 20 batu nautika dari Belawan, seorang tekong bot nelayan, Heng Beng Hong,

ditembak mati manakala tiga awak-awak ditahan TNI-AL.
(END)